CHANG YAO KUANG

lwn.

DATO' HJ. BAHARUDDIN OSMAN & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL MALEK AHMAD H
[GUAMAN SIVIL NO. D5-22-915-91]
6 JULAI 1992

PROSEDUR SIVIL: *Perakuan segera - Injunksi - Aturan 18 k. 19, A. 92 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Imbangan kemudahan.*

KONTRAK: *Samada surat tawaran adalah tawaran atau pelawaan tawaran - Bagaimana pengesahan bank patut didapati.*

Plaintif memohon dan memperolehi perintah Mahkamah melalui perakuan segeranya pada 11 Julai 1991 untuk menghalang defendan ketiga atau sesiapa saja dari mendaftar pemindahan syer atas 125,000 syer biasa tersebut yang memihak kepada defendan kedua. Pada 31 Mac 1992, defendan kedua mengemukakan sijil perakuan segera memohon agar tindakan plaintif dibatalkan samada melalui A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 atau A. 92 k. 4, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Diputuskan:

[1] Mengenai imbangan kemudahan yang sangat perlu diambil kira untuk kes-kes injunksi, Mahkamah perlu mengambil perhatian bahawa ini bukanlah injunksi mandatori dan imbangan memihak kepada plaintif untuk injunksi diteruskan kerana selain dari situasi tiada penyembunyian fakta material semasa permohonan plaintif dibuat gantirugi juga tidak mencukupi jika injunksi dibatalkan oleh kerana defendan kedua akan dapat memindah syer berkenaan kepada dirinya sendiri dan tuntutan plaintif tidak akan menjadi sebagai tidak perlu lagi dengan sendirinya.

[2] Mahkamah tidak dapat menimbang kedudukan sepenuhnya kesemua pihak tanpa apa-apa afidavit dari defendan pertama yang belum diserahkan pada masa itu dan Mahkamah tidak dapat mengetahui pandangannya dalam perkara tersebut. Juga permohonan dibuat untuk ketiga-tiga defendan sungguhpun ianya hanya dipohon oleh defendan kedua seorang.

[3] Mahkamah berpendapat ada beberapa isu yang perlu dibicarakan dan imbangan kemudahan memihak kepada plaintif mengikut terma-terma yang diperintahkan pada 11 Julai 1991.

[Permohonan defendan kedua ditolak dengan kos.]

Kes yang dirujuk:
American Cyanamid Co. lwn. Ethicon Ltd. [1975] 1 All ER 504 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19, O. 92 r. 4

Bagi pihak plaintif/responden - Winston Ng; T/n. Khatijah Rauf & Co.
Bagi pihak Defendan kedua/pemohon - H.K. Teh; T/n. H.K. Teh & Associates

PENGHAKIMAN

Abdul Malek Ahmad H:

Atas sijil perakuan segera, plaintif telah mendapat perintah pada 11 Julai 1991 seperti berikut:

1. Bahawa plaintif memberi akujanji untuk patuh pada sebarang perintah Mahkamah yang mulia ini yang mungkin dibuat atas sebarang gantirugi jika sekiranya Mahkamah berpendapat bahawa defendan telah mengalami sebarang kerugian atas sebab pemberian sebarang perintah dari ini.
2. Bahawa setelah plaintif mendeposit dengan Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur sejumlah lima ratus ribu ringgit sahaja dengan bank draf kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur pada atau sebelum 12.15 petang, 12 Julai 1991, defendan-defendan samada ianya sendiri, pengkhidmat, pekerja-pekerja atau agen-agen atau mana-mana darinya atau sebagainya adalah dihalang oleh injunksi interim yang berikut sehingga perintah-perintah lain iaitu:

   a) injunksi menghalang defendan ketiga dan/atau pengarah-pengarah, setiausaha, agen-agen, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan sesiapa saja dari mendaftar pemindahan syer atas 125,000 syer biasa tersebut yang memihak kepada defendan kedua.

   b) injunksi menghalang defendan pertama dari memberi sebarang proksi, surat kuasa wakil dan/atau sebarang suratcara berupa pemberian sebarang hak, kepentingan dan/atau kuasa atas 125,000 syer biasa tersebut kepada defendan kedua dan/atau namaan-namaannya dan atau sesiapa saja.

   c) injunksi menghalang defendan kedua dan/atau namaan-namaannya dan sesiapa saja dari menjalankan sebarang hak dan/atau kuasa ke atas 125,000 syer biasa tersebut melalui sebarang proksi dan/atau surat kuasa wakil dan/atau sebarang suratcara pemberian dari defendan pertama yang memihak kepada defendan kedua dan/atau namaan-namaannya dan sesiapa saja.

   d) injunksi menghalang defendan kedua dan/atau namaan-namaannya,agen-agen, peguam dan sesiapa saja dari merepresentasi dan /atau mengemukakan diri bahawa defendan kedua adalah majoriti pemegang syer defendan ketiga iaitu sebuah syarikat dan/atau mempunyai penguasaan dan/atau pemilikan lebih daripada 10% pemegang syer syarikat tersebut (defendan ketiga).

3. Bahawa plaintif memfailkan dalam Bahasa Malaysia satu set kesemua kertas-kertas kausa yang difailkan di dalam ini di dalam waktu satu minggu dari tarikh di sini.
4. Bahawa defendan-defendan dibenarkan memohon.

Pada 31 Mac 1992 pula, juga atas sijil perakuan segera, defendan kedua telah memohon dan mendapat perintah berikut:

Adalah Diperintahkan bahawa diatas akujanji pihak defendan kedua untuk mematuhi sebarang perintah yang mungkin dibuat oleh Mahkamah yang mulia ini terhadap gantirugi sekiranya selepas ini Mahkamah yang mulia ini berpendapat bahawa pihak plaintif, defendan pertama dan defendan ketiga telah mengalami sebarang kerugian akibat dari pemberian perintah yang dipohon ini, pihak plaintif, defendan pertama dan defendan ketiga, kakitangan-kakitangan mereka dan/atau agen-agen mereka adalah dilarang daripada memohon, memanggil, mengeluarkan notis-notis untuk memanggil, mengadakan sebarang mesyuarat agung pemegang-pemegang saham bagi syarikat defendan ketiga sebelum permohonan yang terkandung di dalam saman dalam kamar bertarikh 17 Oktober 1991 (kandungan 14) yang difailkan oleh defendan kedua diputuskan oleh Mahkamah yang mulia ini **Dan Adalah Diperintahkan Selanjutnya** bahawa Mahkamah yang mulia ini menetapkan tarikh awal bagi perbicaraan saman dalam kamar (kandungan 14) yang difailkan oleh defendan kedua tersebut dan kos permohonan ini adalah kos mengikut kausa.

Rayuan ini adalah terhadap keputusan saya mengenai kandungan 14 yang difailkan pada 17 Oktober 1991 atas sijil perakuan segera dan di dengar pada 11 Mei 1992 selepas beberapa penangguhan. Permohonannya adalah seperti berikut:

(i) Perintah injunksi bertarikh 11 Julai 1991 yang diperolehi oleh plaintif terhadap ketiga-tiga defendan yang dinamakan di atas di dalam tindakan ini diketepikan oleh Mahkamah ini;

(ii) Writ saman serta penyata tuntutan bertarikh 10 Julai 1991 yang difailkan oleh plaintif terhadap ketiga-tiga defendan yang dinamakan di atas dalam tindakan ini dibatalkan menurut A. 18 k. 19, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi,1980 atas alasan berikut:

(a) ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan:

(b) ia selainnya adalah suatu penyalahan proses Mahkamah.

(iii) Sebagai alternatif, writ saman serta penyata tuntutan bertarikh 10 Julai 1991 yang difailkan oleh plaintif terhadap ketiga-tiga defendan dibatalkan berdasarkan bidangkuasa yang sedia ada pada Mahkamah ini menurut A. 92 k. 4, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980;

(iv) Kos permohonan ini adalah kos dalam kausa:

(v) Lain-lain perintah atau relif yang dianggap sesuai oleh Mahkamah ini.

Sebahagian besar fakta-fakta kes tidak dipertikaikan. Defendan pertama mempunyai lima peratus jumlah saham defendan ketiga iaitu sebanyak 125 ribu unit manakala plaintif dan defendan kedua mempunyai 47.5 peratus masing-masing. Pada mulanya defendan pertama adalah Pengerusi defendan ketiga tetapi oleh kerana perselisihan faham di antara plaintif dan defendan kedua, beliau telah meletak jawatan dan ingin menjual sahamnya.

Melalui surat bertarikh 1 Julai 1991 beliau telah memberitahu plaintif dan defendan kedua hasratnya dan untuk kemudahan rujukan, surat tersebut dikemukakan di sini:

No. 82, Tingkat Satu (First Floor),
Jalan SS15/4, 47500 Subang Jaya,
Selangor, Malaysia.
Tel: 7339778 / 7337170 Date 1 July 1991

JCMC Sendirian Berhad,
Suite 101, 1st Floor,
Wisma Mirama,
Jalan Wisma Putra,
50460 Kuala Lumpur.

Attention : Mr. James Chang
Madam Lim

Dear Sir / Madam,

As stated at the Extraordinary General Meeting of the company, I hereby confirm of my intention to sell my shares to the existing directors and shareholders. The minimum price is RM300,000 or the highest bidder.

I am giving both parties until Friday 5 July 1991, at 11 a.m. sharp to submit bids for the shares and I will accept the highest bidder who produces a cashier's order or cash.

Thanking you.

Yours sincerely,
(t.t)
Dato' Haji Baharuddin Osman , DSSA, SMS.

Perjumpaan telah diadakan pada 5 Julai 1991 di pejabat defendan pertama yang dihadiri oleh defendan pertama, plaintif dan peguamnya, defendan kedua dan peguamnya, dua orang saksi Pu Tin Loke dan Azali Mansor dan juruodit defendan ketiga Ng Kim Hoong. Di perjumpaan tersebut, plaintif telah memohon menangguhkan penjualan saham kerana beliau baru balik dari Indonesia dan belum sempat menguruskan wangnya tetapi permohonan ini telah ditolak oleh defendan pertama. Seterusnya plaintif telah meminta cara bayaran dipinda untuk mengemukakan cek peribadi dan defendan pertama telah bersetuju dengan syarat tawaran melalui cek persendirian tertakluk kepada syarat terdahulu bahawa jika tawaran melalui cek persendirian lebih tinggi, penerimaan tawaran tersebut hanya sah jikalau pengesahan diterima dari pihak bank cek tersebut pada 2.30 petang hari yang sama. Jika tidak, tawaran melalui perintah juruwang akan dianggap sah.

Plaintif dan defendan kedua telah kemudiannya mengemukakan tawaran-tawaran masing-masing. Tawaran plaintif ialah RM500,000 dengan cek persendirian dan tawaran defendan kedua berjumlah RM450,300 melalui perintah juruwang RM450,000 dan wang tunai RM300. Pada 2.15 petang semua pihak telah bertemu sekali lagi kecuali plaintif yang masih tidak hadir pada 2.30 petang. Defendan pertama telah mengarahkan Azali Mansor untuk menelefon bank plaintif tapi usaha tidak berhasil kerana bank tidak dapat dihubungi. Pada 2.45 petang dengan ketidakhadiran plaintif dan tanpa pengesahan bank, defendan pertama telah mengumumkan bahawa tempoh masa telah luput dan plaintif telah mengingkari syarat. Selanjutnya, defendan pertama telah menolak tawaran plaintif dan menerima tawaran defendan kedua.

Pada pendapat saya, fakta-fakta kes bukanlah sebegitu mudah dan jelas untuk dibenarkan permohonan ini. Pertamanya, defendan pertama masih belum diserah pada masa ini dan Mahkamah tidak dapat mengetahui pandangannya dalam perkara ini. Mengikut peguam defendan kedua yang bijaksana, ini sengaja dilakukan oleh pihak plaintif tetapi peguam plaintif yang arif telah memberitahu Mahkamah bahawa defendan pertama, sungguhpun beliau adalah seorang pemaju perumahan, peguam dan Bendahari UMNO Selangor, telah mengelak penerimaan penyerahan dan plaintif telah terpaksa memohon untuk penyampaian ganti ke atas beliau pada 20 Mei 1992. Walau apapun alasan, hakikatnya pada ketika ini ialah Mahkamah tidak dapat menimbang kedudukan sepenuhnya kesemua pihak tanpa apa-apa afidavit dari defendan pertama tambah-tambah lagi apabila permohonan dibuat untuk ketiga-tiga defendan sungguhpun ianya dipohon oleh defendan kedua seorang.

Mengenai imbangan kemudahan yang sangat perlu diambilkira untuk kes-kes injunksi, Mahkamah perlu mengambil perhatian bahawa ini bukanlah injunksi mandatori dan imbangan memihak kepada plaintif untuk injunksi diteruskan kerana selain dari situasi tiada penyembunyian fakta material semasa permohonan plaintif dibuat, gantirugi juga tidak mencukupi untuk plaintif jika injunksi dibatalkan oleh kerana defendan kedua akan dapat memindah syer berkenaan kepada dirinya sendiri dan tuntutan plaintif akan menjadi sebagai tidak diperlukan lagi dengan sendirinya.

Seperti dinyatakan dalam kes *American Cyanamid Co. v. Ethicon Ltd.* [1975] 1 All ER 504, apa yang mustahak difikirkan ialah Mahkamah hendaklah berpuashati bahawa tuntutan bukanlah remeh dan menyusahkan dan keterangan afidavit menunjukan ada berberapa soal penting untuk dibicarakan. Seterusnya, Mahkamah hendaklah mengambilkira soal imbangan kemudahan yang pada hemat saya lebih memihak kepada plaintif atas sebab-sebab yang telah dinyatakan sebelum ini.

Selain dari itu, ada berberapa isu undang-undang berbangkit mengenai sama ada surat tawaran adalah tawaran atau pelawaan tawaran sahaja, mengenai syarat terdahulu apabila cara bayaran dipinda, mengenai penepian apabila masa dilanjutkan disebelah petang untuk menelefon bank dan mengenai bagaimana pengesahan bank patut didapati.

Berasaskan kesemua faktor ini, Mahkamah berpendapat ada berberapa isu yang perlu dibicarakan dan imbangan kemudahan memihak kepada plaintif mengikut terma-terma yang diperintahkan pada 11 Julai 1991. Oleh itu, permohonan defendan kedua terpaksa ditolak dengan kos.

Also found at [1992] 4 CLJ 1813